

PM: Ada cara atasi gempa

UM - 4 SEP 2001

Oleh ABDUL HAMID MOHAMAD dan MOHD. RADZI MOHD. ZAIN

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan telah mengenal pasti cara-cara menangani gerakan bawah tanah yang melibatkan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau tidak dapat menjelaskan mengenai bentuk pendekatan itu buat masa ini.

"Kita juga bincang tentang cara menangani masalah berkenaan gerakan bawah tanah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di ibu pejabat UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai meng-

ulas pembabitan lebih 2,500 pelajar IPTA dalam gerakan bawah tanah yang bergerak menerusi pertubuhan tidak berdaftar.

Utusan hari ini melaporkan jumlah tersebut adalah anggaran 500 pelajar bagi lima buah universiti tempatan di negara ini.

Dr. Mahathir selanjutnya berkata, untuk membendung sentimen tersebut, kerajaan juga akan menentukan bahawa pengajaran agama Islam bersih dari unsur-unsur politik.

Katanya, ia termasuk dengan meningkatkan tahap kelulusan pelajar bidang itu untuk memasuki universiti.

"Kita akan tentukan pelajaran agama benar-benar agama dan tidak ada unsur politik kempen membenci kerajaan dalam kursus dan peperiksaan yang diadakan," tegasnya.

Menurut sumber yang dipetik oleh *Utusan* itu, berdasarkan pengamatan dan kajian yang dibuat gerakan itu yang bersifat mahu menjatuhkan kerajaan sedia ada telah bergerak dan bertapak di negara ini lebih 10 tahun lalu.

"Pengaruh gerakan bawah tanah itu boleh dikatakan sedang berada pada tahap parah dan jika tidak dibendung segera boleh menjejaskan keselamatan negara dan perpaduan orang Melayu," katanya.

Kelmarin, *Mingguan Malaysia* mendedahkan pembabitan bekas pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Wan Noor Hayati Wan Alias mengenai wujudnya gerakan bawah tanah yang sistematik di universiti-universiti tempatan untuk mempengaruhi pendirian politik pelajar Melayu supaya berjuang menjatuhkan kerajaan.

kan bawah tanah

Wan Noor Hayati, 22, yang terkandas dalam pelajarannya di UTM mendakwa dia sendiri telah terpedaya dengan kumpulan itu yang berse-
lindung di sebalik aktiviti usrah dan tamrin.

Katanya, penyokong-penyokong di universiti menggunakan Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) dan pertubuhan tidak berdaftar iaitu Hizbi Islami dan Markaz Siswazah Kelantan untuk menggerakkan sentimen bencikan kerajaan.

Mengenai kumpulan militan KMM, Dr. Mahathir berkata, cita-cita sebenar kumpulan itu bukanlah untuk mendirikan negara Islam sebaliknya untuk merebut kuasa secara kekerasan.

Tegas beliau, mereka berhasrat menjatuhkan kerajaan sedia ada walaupun dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam.

Menurutnya, mereka nampak tidak sabar me-

nunggu sistem demokrasi memberi kuasa kepada mereka.

Yang jelas, kata Dr. Mahathir, mereka bukanlah pejuang Islam yang sebenar kerana mereka hanya pejuang politik yang ingin menggunakan senjata untuk merebut kuasa.

"Perjuangannya lebih mirip menjatuhkan kerajaan yang didirikan oleh orang Islam tetapi yang mereka anggap sebagai tidak Islam.

"Sebenarnya ini adalah cubaan rebutan kuasa politik melalui penggunaan senjata dan kekerasan," tambahnya.

Mengenai kemungkinan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadikan transit bagi aktiviti pengganas, Dr. Mahathir berkata, setakat ini beliau belum menerima sebarang maklumat mengenainya.